

Kajian Jangka Panjang Sektor Pelancongan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia

Kasmaroni binti Hj Makawi^a

^aPusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Emel: kasma_91@ymail.com

Abstrak

Teori perkembangan pelancongan mengatakan sumbangan sektor pelancongan berpotensi merangsang pertumbuhan ekonomi khususnya di negara membangun. Kajian ini cuba mengenal pasti sama ada sektor pelancongan memberi kesan jangka masa panjang yang positif kepada ekonomi negara. Persoalan ini diuji menggunakan analisis Kointegrasi dan ujian penyebab Granger. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan jangka masa panjang yang positif antara bilangan kemasukan pelancong dan KDNK negara. Manakala hubungan sebab penyebab Granger pula menunjukkan KDNK negara boleh digunakan untuk meramal bilangan kemasukan pelancong tetapi bilangan kemasukan pelancong tidak mencukupi untuk meramal KDNK negara. Kajian ini membuktikan perbelanjaan kerajaan untuk menarik bilangan pelancong bukanlah suatu usaha yang sia-sia memandangkan ianya akan memberikan kesan positif kepada KDNK negara pada jangka masa panjang.

Kata kunci: *Bilangan kemasukan pelancong; Analisis Kointegrasi; Penyebab Granger; KDNK negara.*

1. Pengenalan

Umum mengetahui, industri pelancongan merupakan enjin pertumbuhan ekonomi kerana dianggap sebagai industri yang berpotensi dan menguntungkan kepada negara Malaysia. Buktinya, industri pelancongan menyumbang kepada pendapatan negara hasil daripada aliran tunai kemasukan pelancong yang datang melancong, peluang pekerjaan, pendapatan hasil cukai dan sebagainya. Hasil statistik menunjukkan prestasi industri pelancongan di Malaysia kekal memberangsangkan dengan terus mencatat peningkatan berdasarkan statistik suku keempat tahun 2013 iaitu 5.9 %. Oleh itu, industri pelancongan perlu dilihat daripada pelbagai sudut iaitu ekonomi, sosial dan geografi di samping membawa kesan kepada pembangunan negara.

Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting. Hal ini dibuktikan melalui kemasukan jumlah pelancong tempatan dan antarabangsa yang semakin meningkat malah terdapat beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Pelancongan juga merupakan sektor yang melibatkan peranan yang saling berkaitan antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan juga orang awam.

Dalam konteks Malaysia, sektor pelancongan merupakan sumber pendapatan pertukaran asing kedua terbesar negara dan dijangka terus berkembang pesat. Rentetan itu, bagi meletakkan Malaysia sebagai destinasi utama atau pilihan industri pelancongan dunia tumpuan lebih terarah kepada tahun melawat Malaysia yang menyasarkan sebanyak 28 juta pelancong yang datang. Perkembangan sektor pelancongan di Malaysia telah dipengaruhi oleh perubahan yang besar dan potensi industri pelancongan pada masa hadapan. Memandangkan industri pelancongan

kini merupakan satu pemangkin kepada pendapatan negara, maka pendekatan yang bersepadu dilaksanakan dalam perancangan dan pelaksanaan industri pelancongan secara mampan.

Melihat kepada pentingnya sektor pelancongan dalam menjana pertumbuhan ekonomi, kajian ini ingin melihat kewujudan hubungan jangka panjang antara kedua-duanya. Bagi memenuhi tujuan tersebut analisis kointegrasi dilakukan dengan perkembangan industri pelancongan diproksikan oleh bilangan ketibaan pelancong, kadar pertukaran matawang dan indeks harga pengguna. Manakala, pertumbuhan ekonomi diproksikan oleh Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Di samping itu, beberapa indikator menjelaskan mengenai '*Tourism-Led Growth Theory*' secara empirikal yang menyokong impak industri pelancongan yang menyumbang kepada peningkatan permintaan pelancongan, peningkatan pendapatan pertukaran matawang asing, peluang pekerjaan bertambah seterusnya mencetuskan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, industri pelancongan telah menjadi suatu bidang pelaburan baru yang dalam memacu pertumbuhan industri-industri ekonomi dan aktiviti sosial yang berperanan sebagai wahana dalam pembangunan mega Malaysia menuju negara maju menjelang tahun 2020.

2. Kajian lepas

Kajian hubungan jangka panjang dan analisis sebab dan akibat antara beberapa pemboleh ubah ekonomi telah banyak dijalankan dalam mengenal pasti sejauhmanakah ianya memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Balassa (1977), Esfahani (1991), Dodaro (1993) dan Amoateng dan Amoaka (1996) yang mengkaji hubungan antara galakan eksport dan pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian, mereka mendapati bahawa galakan dalam eksport meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Berikutan indikator '*Tourism-Led Growth Theory*' yang dikatakan empirikalnya mencetuskan impak kepada industri pelancongan menemui kepada hasil kajian yang dilakukan oleh Charbel Bassil, Mohamad Hamadeh dan Nisrine Samara (2015) yang mengkaji sebab dan akibat antara pembangunan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi di Lubnan antara tahun 1995 dan 2013, selepas mengambil kira kejadian pengganas dan kesungguhan mereka. Hal ini dianggap sebagai kejutan eksternaliti yang memberi kesan kepada pembangunan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi serta- merta dan dengan lag. Penulis menggunakan model auto vektor regresif dengan pemboleh ubah eksogen di samping mengenakan ujian *unit root* tanpa mengganggu struktur ujian penyebab Granger. Pada akhir kajian, penulis menemui bukti bahawa '*The Tourism-Led Growth Hypothesis*' (TLGH) di Lubnan menunjukkan tindak balas pembangunan pelancongan (pertumbuhan ekonomi) berhubung positif terhadap kejutan positif kepada pertumbuhan ekonomi (pembangunan pelancongan) walaupun terdedah dengan kejadian keganasan.

Analisis yang melihat kepada perkembangan aktiviti pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi merupakan sesuatu yang baru dalam bidang pelancongan. Hanya terdapat segelintir kajian seumpunya antaranya, Balaguer dan Cantavella-Jorda (2002) di Sepanyol telah mendapati perkembangan dalam pelancongan menjadi penyebab kepada pembangunan ekonomi dalam satu arah sahaja. Kajian oleh Dritakis (2005) pula menunjukkan terdapat dua arah penyebab antara perkembangan pelancongan dengan dengan pertumbuhan ekonomi di Greece. Manakala di Korea Selatan, Oh (2005) mencatatkan terdapat hubungan satu arah antara perkembangan pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi. Seterusnya, kajian oleh Kim et al.

(2005) di Taiwan menunjukkan hubungan dua hala antara pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi iaitu kedua-duanya adalah saling menyokong.

3. Metodologi kajian dan keputusan empirikal

Data

Kajian ini menggunakan data siri masa yang diambil daripada data sukuan bermula sukuan pertama tahun 1999 sehingga sukuan empat tahun 2014. Perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi adalah diprosikan oleh bilangan ketibaan pelancong, kadar pertukaran matawang asing, Indeks Harga Pengguna dan KDNK.

Spesifikasi model

$$\text{LNGDP} = \text{LNARV} + \text{LNFX} + \text{LNCPI}$$

Di mana,

LNGDP= Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar

LNARV = Bilangan Ketibaan Pelancong

LNFX = Kadar Pertukaran Matawang Asing

LNCPI= Indeks Harga Pengguna

Ujian Unit Root

Jadual 1 menunjukkan keputusan Ujian *Unit Root* yang menggunakan ujian *Augmented Dicky-Fuller*. Seperti yang dapat dilihat daripada jadual, wujudnya Ujian *Unit Root* di mana menyebabkan hipotesis nol tidak dapat ditolak untuk semua pembolehubah pada semua peringkat signifikan. Walau bagaimanapun pada perbezaan pertama, semua pembolehubah berjaya menolak hipotesis nol. Dapat disimpulkan bahawa semua data adalah $I(1)$, yang bermakna bahawa semua data adalah pegun pada perbezaan pertama. Oleh itu, data yang digunakan dalam kajian ini adalah sesuai dalam mencari hubungan jangka panjang antara pembolehubah sebagai data yang berkointegrasi satu antara sama lain.

Jadual 1: Ujian Unit Root

Pembolehubah	Pada Aras	Pembezaan Pertama
LNRGDP	-1.544405	-5.013166*
LNARV	-4.617361*	-7.202997*
LNFX	-2.167692	-7.503100*
LNCPI	-2.995210	-6.268860*

Nota: * menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%

Ujian Kointegrasi

Dalam mengkaji hubungan jangka masa panjang bagi pembolehubah, kertas ini menggunakan metodologi *Johansen's cointegration*. Kaedah ini adalah sesuai untuk mendapatkan hubungan jangka masa panjang bagi pembolehubah terutamanya apabila semua pembolehubah adalah $I(1)$. Keputusan ujian kointegrasi ini dilaporkan dalam Jadual 2. Kedua-dua ujian statistik, kesan surih dan nilai eigen maksimum dibentangkan. Ujian statistik surih untuk paling r vektor kointegrasi terhadap alternatif sekurang-kurangnya pada vektor $r + 1$. Sebaliknya, ujian nilai eigen maksimum untuk paling r vektor kointegrasi terhadap alternatif tepat pada hubungan kointegrasi $r + 1$.

Beberapa Lag untuk setiap pembolehubah dan negara-negara telah dimasukkan ke dalam bagi untuk menguasai model dinamik jangka pendek. Sehingga 4 Lag telah diuji daripada data yang terdiri daripada data sukuan. Menurut Akaike Maklumat Kriteria (AIC), bilangan yang paling sesuai bagi lag adalah 1. Walau bagaimanapun, seperti yang kita ingin menguasai tarikh yang lebih tinggi adalah dinamik, manakala lag kedua paling sesuai dipilih iaitu lag 4.

Kedua-dua nilai eigen maksimum dan ujian kesan surih menunjukkan bahawa wujud hubungan kointegrasi dalam model. Keputusan menunjukkan bahawa bilangan pelancong menjejaskan KDNK secara positif dari masa ke masa. Bagi pembolehubah kawalan, menunjukkan seolah-olah terdapat peningkatan dalam kadar pertukaran asing seterusnya menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Walaubagaimanapun peningkatan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) akan membawa kepada KDNK yang lebih rendah dalam jangka masa panjang.

Jadual 2: Ujian Johansen Cointegration

Hipotesis nol	Ujian statistik	0.05 Nilai kritikal
Ujian surih		
$r^*=0$	58.09	47.86
$r =1$	27.88	29.80
$r =2$	10.35	15.50
$r =3$	0.14	3.84
Nilai ujian Eigen maksimum		
$r =0$	30.20	27.58
$r =1$	17.53	21.13
$r =2$	10.21	14.26
$r =3$	0.14	3.84

Pemboleh Ubah	Vektor Kointegrasi
LNGDP	-1.00
LNARV	2.41
LNFX	0.97
LNCPI	-3.64

Jadual 3 mewakili keputusan *Granger Causality* iaitu sebab penyebab antara pembolehubah. Hasilnya, ia boleh dilihat bahawa ketibaan pelancong yang tinggi adalah bukan punca penyebab Granger yang mengakibatkan KDNK sebenar meningkat, sebaliknya KDNK sebenar yang tinggi adalah punca penyebab Granger meningkatkan ketibaan pelancong. Hal ini boleh mencerminkan bahawa, ekonomi Malaysia berpotensi mengalami pertumbuhan ekonomi yang drastik sekaligus terkenal di mata dunia. Oleh itu, KDNK yang lebih tinggi akan menyebabkan jumlah yang pengunjung lebih tinggi. Dengan kata lain, data KDNK boleh digunakan untuk meramal bilangan pelancong yang datang pada masa hadapan. Namun memandangkan masih

terdapat banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi KDNK, maka data kemasukan pelancong tidak mencukupi untuk menjadi kayu ukur meramal KDNK pada masa akan datang.

Jadual 3: Keputusan Granger Causality

Pembolehkan bersandar	LNGDP	LNARV	LNFX	LNCPI
LNGDP	-	0.4454	1.5228	2.3774***
LNARV	3.0770**	-	0.2691	1.3127
LNFX	1.5600	1.6082	-	7.2634*
LNCPI	4.9407*	0.8948	1.8469	-

Nota: *, ** dan *** menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10% masing-masing.

4. Kesimpulan dan implikasi dasar

Penggunaan kaedah kointegrasi dan ujian penyebab Granger bertujuan untuk melihat arah hubungan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara adalah relevan. Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan di beberapa buah negara seperti Sepanyol, Greece, Korea Selatan dan Taiwan setiap daripada hasil kajian yang didapati adalah berbeza mengikut pengalaman yang dilalui dalam membangunkan industri pelancongan di negara tersebut.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan jangka masa panjang yang positif antara bilangan kemasukan pelancong dan pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, hasil ujian penyebab Granger menunjukkan bahawa data kemasukan pelancong adalah tidak mencukupi untuk menjadi peramal data KDNK pada masa hadapan. Sebaliknya, data KDNK mampu menjadi peramal untuk kadar kemasukan pelancong. Ini berpunca daripada KDNK yang semakin tinggi menunjukkan negara yang semakin maju. Sememangnya negara-negara maju kebiasaannya menarik perhatian lebih ramai pelancong berbanding negara-negara membangun.

Hasil kajian ini memberikan beberapa petunjuk yang berguna kepada pembuat dasar. Pertama sekali, adalah penting untuk Malaysia menarik perhatian pelancong yang lebih ramai memandangkan terdapat hubungan yang positif antara kadar kemasukan pelancong dan KDNK negara. Lebih menarik lagi, KDNK negara yang dapat dibangunkan melalui pelbagai kaedah yang lain akan membantu menarik lebih ramai pelancong asing. Ini bermaksud, usaha untuk menarik lebih ramai pelancong asing oleh kerajaan tidak akan menjadi usaha yang sia-sia memandangkan ianya akan memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada negara.

Rujukan

Amoeteng, K & Amoaka-Adu, B. (1996). Economic Growth, Export and External Debt Causality : The Case of African Countries. *Applied Economics*, 28, 21-27.

Andreas G. Georgantopoulos, (2013). Tourism Expansion and Economic Development: Var/Vecm Analysis and Forecast for The Case of India. *Journal Of Asian Economic and Financial Review*, 3(4), 464-482.

Balaguer, L, & Cantavella-Jorda, M. (2002). Tourism As A Long Run Economics Growth Factor : The Spanish Case. *Applied Economics*, 34, 877-884.

- Balassa, B, (1977). Exports and Economic Growth: Further Evidence. *Journal of Development Economics*, 5(2), 181-189.
- Bassil, C., Hamadeh, M. & Samara, N. (2015). The Tourism Led Growth Hypothesis: The Lebanese Case. *Tourism View*, 70 (1), 43-55.
- Borensztein, E., Gregorio, J.D & Lee. (1998). How Does Foreign Direct Investment Affect Economic Growth? *Journal of International Economics* 45, 115-135.
- Dodaro, S. (1993). Export and Growth : A Reconsideration Of Causality. *Journal Of Developing Areas*, 27, 427-431.
- Dritakis, N. (2005). Tourism As A Long-Run Economic Growth Factor : An Empirical Investigation for Greece Using Causality Analysis. *Tourism Economics*, 10(3), 305-316.
- Esfahani, Hs. (1991). Export, Import and Economic Growth in semi Industrialised Countries. *Journal of Development Economics*, 35, 93-16.
- Granger. C.W.J (1998). Causality, Cointegration and Control. *Journal of Economic Dynamic and Control*, 12, 551-559.
- Inskeep, E. (1991). Perancangan Pelancongan (Tourism Planning). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Johansen, S. (1998). Statistical Analysis of Cointegrating Vectors: *Journal of Economic Dynamics and Control*, 12, 231-254.
- Kim, H.J., Chen, M.H., & Jhen, S.S. (2005). Tourism Expansion and Economic Development: The Case of Taiwan, *Tourism Management*. Retrieved from <http://www.sciencedirect.com>.
- Oh, C.O. (2005). The Contribution of Tourism Development to Economic Growth in the Korean Economy. *Tourism Management*, 26, 39-44.
- Othman, R. & Hanim, N. (2010). An Analysis on The Relationship of Tourism Industry Development And Economic Growth : A Comparison of International Markets. *Journal of Malaysia's Economics*, 44 (9), 93-100.